

Dato' NC UPM Dianugerahkan Tauliah Kolonel (Kehormat)



SERDANG, 27 Julai – Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi telah dianugerahkan tauliah Kolonel (Kehormat) di dalam Angkatan Sukarela Persekutuan selaku Komandan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Putra Malaysia dalam satu upacara pemakaian pangkat di UPM.



Upacara pemakaian pangkat tersebut telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Zulkifli Zainal Abidin dan disaksikan oleh Panglima Latihan Tentera Darat, Mejar Jeneral Dato' Abdul Rahim Mohd Yusoff.

Penganugerahan tauliah tersebut telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di atas syor Majlis Angkatan Tentera Kali ke-504 yang bersidang pada 8 Jun 2011 yang lalu.

Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi, UPM. (Noor Eszereen Juferi & Lt. M. Mohd Firdaus Zakaria, 03-89466013) Jurufoto BKK,(Noorazreen Awang),03-89466199